

KEMPEN PEROLEHAN KAD KREDIT UMUM

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Kad Kredit Umum” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **02 April 2021** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **30 Jun 2021** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan di dalam ini atau diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB baharu (“**Pemegang Kad Prinsipal NTC**”) yang telah memohon, semasa Tempoh Kempen, sekurang-kurangnya satu (1) Kad Layak seperti dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah melalui saluran berikut:
 - (i) Cawangan HLB;
 - (ii) Jualan Terus;
 - (iii) Perbankan Dalam Talian Connect;
 - (iv) Laman Web Bank di www.hlb.com.my (“**Laman Web HLB**”);
 - (v) Pemasaran melalui Telefon; atau
 - (vi) Tablet Perkhidmatan Cawangan dan Jualan

Jadual 1: Kad-kad Layak bagi Kempen ini

Kad Layak	
KAD KREDIT VISA	KAD KREDIT MASTERCARD
Infinite P/Infinite/Infinite Doctor’s Edition	Emirates World Elite
AirAsia Gold/Platinum	Emirates World
GSC Gold/Platinum	Emirate Platinum
Sutera Platinum	Sutera Platinum
WISE Gold	I’m
Essential Gold	Platinum/Gold
I’m	
Platinum/Gold/Signature	

2. Pemegang Kad Prinsipal NTC bermaksud pemegang kad baharu yang tidak memegang apa-apa Kad Kredit HLB sedia ada (termasuk MACH) sebelum Tempoh Kempen.
3. Golongan berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - (i) Pemegang Kad Prinsipal sedia ada bagi mana-mana Kad Kredit HLB;
 - (ii) Pemegang Kad yang telah menyertai kempen perolehan Kad Kredit HLB yang lain semasa tempoh yang sama;
 - (iii) Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;

- (iv) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk mana-mana Kad Layak) sebagai Pemegang Kad Prinsipal dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan itu;
 - (v) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank (“**HLISB**”) atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - (vi) Kakitangan HLB dan/atau HLISB sedia ada.
4. Bagi tujuan Kempen ini, semua permohonan Kad Layak oleh Pemegang Kad Prinsipal NTC melalui saluran yang tertakluk di Fasal 1 semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak**”) adalah tertakluk kepada kelulusan HLB dan semua permohonan mestilah diluluskan dengan jayanya selewat-lewatnya **31 Julai 2021**.

KAEDAH KEMPEN

5. Dengan syarat Fasal 4 di atas dipenuhi, Pemegang Kad Layak berhak menikmati tawaran-tawaran berikut ini:
- (a) Pengecualian Fi Tahunan**
 - (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 6 di bawah) dari sebarang jumlah untuk setiap Kad Layak diluluskan dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak berhak menikmati pengecualian fi tahunan tahun pertama (“**Pengecualian Fi Tahunan**”).
 - (ii) Pemegang Kad Emirates World Elite, Emirates World dan Emirates Platinum berhak mendapat Pengecualian Fi Tahunan tanpa perlu memenuhi kriteria di atas ini menurut Fasal 5(a)(i).
 - (b) Rebat RM25 (“Pulangan Tunai 1”)**
 - (i) Pemegang Kad Layak yang telah mengaktifkan setiap satu Kad Layak yang diluluskan dalam masa empat puluh lima (45) hari dari Tarikh Kelulusan Kad Layak, akan berhak menerima Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) bagi setiap Kad Layak.
 - (ii) Peruntukan Pulangan Tunai adalah dihadkan setakat maksimum Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh Ribu (RM450,000) atas dasar siapa-cepat, dia-dapat sepanjang Tempoh Kempen.
 - (iii) Sekiranya Pemegang Kad layak telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas (“**Pemenang Pulangan Tunai 1**”), Pulangan Tunai 1 akan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak mengikut cara yang tertera di Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai 1

Bulan Kad Layak Diluluskan	Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 1
April 2021	Sebelum/pada 30 Jun 2021
Mei 2021	Sebelum/pada 31 Julai 2021
Jun 2021	Sebelum/pada 31 Ogos 2021
Julai 2021	Sebelum/pada 30 September 2021

- (iv) Pemenang Pulangan Tunai 1 akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemenang Pulangan Tunai 1 (nama Pemegang Kad Utama dan/atau nombor Kad Layak terlindung) di Laman Web HLB dalam bulan yang sama dengan Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai berkenaan.
- (v) Sekiranya Pulangan Tunai 1 tidak diterima, Pemenang Pulangan Tunai 1 hendaklah memaklumkan HLB dalam masa satu (1) bulan selepas tamat Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 1 berkenaan, jika gagal berbuat demikian maka Pemenang Pulangan Tunai 1 dianggap telah menerima Pulangan Tunai 1 itu.
- (vi) HLB tidak mempunyai apa apa kewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai 1 telah mencecah peruntukan maksimum Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh Ribu (RM450,000) semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

(c) Hadiah Penghantaran Permohonan: Baucar KFC RM20

- (i) Lima belas ribu (15,000) orang Pemegang Kad Layak yang pertama yang telah memohon untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada Kad Layak yang tertakluk di Jadual 1 ("**Peruntukan Maksimum**") berhak menerima baucar makanan Kentucky Fried Chicken ("**KFC**") bernilai Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) ("**Baucar**") atas dasar siapa cepat, dia dapat sepanjang Tempoh Kempen.
- (ii) Untuk mengelakkan keraguan, setiap pemegang Kad Layak hanya berhak menerima satu (1) Baucar di bawah Kempen ini.
- (iii) HLB tidak mempunyai apa apa kewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya peruntukan Baucar telah mencecah Peruntukkan Maksimum seperti yang tertakluk di Fasal 5(c)(i) di atas.
- (iv) Baucar akan dihadiahkan oleh kakitangan HLB kepada Pemegang Kad Layak pada masa penghantaran borang permohonan lengkap dengan dokumen berkenaan yang diperlukan untuk Kad Layak di mana-mana cawangan HLB atau Jualan Terus HLB. Sejurus itu, Pemegang Kad Layak perlu mengakui penerimaan Baucar tersebut.
- (v) Pihak Bank tidak mewakili atau memberi jaminan terhadap kesesuaian atau kesahanan Baucar kepada Pelanggan Layak dan tidak akan bertanggungjawab menggantikan Baucar sekiranya hilang, kerosakan, tamat tempoh, dicuri atau Baucar koyak. Sebarang permintaan untuk menggantikan Baucar yang hilang, kerosakan, tamat tempoh, dicuri atau koyak tidak akan dilayan oleh HLB.
- (vi) Baucar dikeluarkan oleh KFC dan sebarang pertanyaan atau pertikaian berhubung dengan penggunaan Baucar harus diselesaikan secara terus diantara

Pemegang Kad Layak dan KFC tanpa sebarang tuntutan terhadap pihak Bank. Terma dan Syarat KFC berkenaan dengan Baucar akan terpakai.

(d) Hadiah Kelulusan Perkhidmatan Cawangan dan Tablet Jualan: Bagasi

- (i) Satu ratus sembilan puluh tiga (193) Pemegang Kad Layak yang pertama yang telah berjaya membuat permohonan untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada Kad Layak melalui Perkhidmatan Cawangan dan Tablet Jualan di cawangan HLB dimana Kad Layak tersebut telah diluluskan dalam masa Bulan Kad Layak Diluluskan yang berkenaan seperti yang tertakluk di Jadual 3 di bawah berhak menerima satu (1) unit Urbanlite 20" Bagasi ("**Hadiah**").

Jadual 3: Jadual Peruntukkan Hadiah

Bulan Permohonan Kad Layak	Peruntukkan Hadiah
April 2021	193
Mei 2021	193
Jun 2021	193

- (ii) Peruntukkan Hadiah adalah dihadkan kepada satu ratus sembilan puluh tiga unit (193) setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen dan setiap Pemegang Kad Layak berhak kepada satu (1) Hadiah di bawah Kempen ini atas dasar siapa cepat, dia dapat.
- (iii) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat yang tertakluk di bawah Fasal 5(d)(i) di atas, Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemegang Kad Layak (nama Pemegang Kad Utama dan/atau nombor Kad Layak terlindung) dalam Laman Web HLB selewat-lewatnya **31 Ogos 2021**.
- (iv) HLB tidak mempunyai apa apa kewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Hadiah telah mencecah peruntukan maksimum seperti yang tertakluk di Fasal 5(d)(ii) di atas, semasa atau sebelum tamat Tempoh Kempen.
- (v) Pemenuhan Hadiah akan dikendalikan oleh PCM Perfect Marketing Sdn. Bhd. (200801019824 (821135-X)), penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh HLB. Hadiah akan dihantar ke alamat terkini Pemegang Kad Layak yang didaftarkan dengan HLB sebelum/pada **30 September 2021** ("**Tarikh Penghantaran**").
- (vi) Pemegang Kad Layak mempunyai kewajipan untuk memberikan nombor telefon dan alamat pos yang terkini, sah dan tepat kepada HLB dan sekiranya alamat pos yang salah telah diberikan kepada HLB, HLB tidak akan bertanggungjawab jika Pemegang Kad Layak tidak menerima Hadiah itu.
- (vii) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah menerima makluman yang tertera di Fasal 5(d)(iii) di atas tetapi tidak menerima Hadiah sebelum/pada Tarikh Penghantaran, Pemegang Kad Layak hendaklah memaklumkan HLB sebelum/pada **31 Oktober 2021**, jika gagal berbuat demikian maka Pemegang Kad Layak dianggap telah menerima Hadiah itu.
- (viii) HLB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah kepada Pemegang Kad Layak dan HLB tidaklah bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah yang hilang, kecurian, rosak atau cacat (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau tidak). Pemegang Kad Layak hendaklah, atas kos dan perbelanjaan sendiri,

berurusan terus dengan vendor atau pembekal bagi apa-apa aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan Hadiah itu tanpa bantuan HLB.

(e) Pulangan Tunai RM300 untuk Perbelanjaan Bulanan RM200 sepanjang 6 Bulan (“Pulangan Tunai 2”)

- (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit (seperti yang tertakluk di Fasal 6 di bawah) Ringgit Malaysia Dua Ratus Ringgit (RM200) setiap bulan dengan Kad Layak yang diluluskan dalam tempoh masa enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh Kad Layak diluluskan berhak kepada Pulangan Tunai 2 Ringgit Malaysia (RM50) seperti yang tertakluk di Jadual 4 di bawah:

Jadual 4

Bulan Kad Diluluskan	Bulan Pertama	Bulan Kedua	Bulan Ketiga	Bulan Ke-4	Bulan Ke-5	Bulan Ke-6
2 - 30 Apr 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Mei 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Jun 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Jul 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Ogos 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Sept 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Okt 2021
1 - 31 Mei 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Jun 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Jul 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Ogos 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Sept 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Okt 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Nov 2021
1 - 30 Jun 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Jul 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Ogos 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Sept 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Okt 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Nov 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Dis 2021
1 - 31 Jul 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Ogos 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Sept 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Okt 2021	Berbelanja sebelum/pada 30 Nov 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Dis 2021	Berbelanja sebelum/pada 31 Jan 2022

- (ii) Setiap Pemegang Kad Layak berhak kepada Pulangan Tunai 2 sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) setiap bulan dan Pulangan Tunai 2 sehingga maksimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) di bawah Kempen ini.
- (iii) Jumlah peruntukkan Pulangan Tunai 2 adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Satu Juta Empat Ratus Ribu (RM1,400,000) atas dasar siapa cepat, dia dapat sepanjang Tempoh Kempen.
- (iv) Sekiranya Pemegang Kad layak telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas (“**Pemenang Pulangan Tunai 2**”), Pulangan Tunai 2 akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Pemenang Pulangan Tunai 2 secara bulanan mengikut cara yang tertera di Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai 2

Bulan Kad Layak Diluluskan	Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 2
April 2021	Jun hingga November 2021
Mei 2021	Julai hingga Disember 2021
Jun 2021	Ogos 2021 hingga Januari 2022
Julai 2021	Sept 2021 hingga Februari 2022

- (v) Pemenang Pulangan Tunai 2 akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemenang Pulangan Tunai 2 (nama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau kelayakan pulangan tunai) di Laman Web HLB dalam bulan yang sama dengan Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 2 berkenaan kepada Pulangan Tunai 2.
 - (vi) Sekiranya Pulangan Tunai 2 tidak diterima, Pemenang Pulangan Tunai 2 hendaklah memaklumkan HLB dalam masa satu (1) bulan selepas tamat Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 2 berkenaan, jika gagal berbuat demikian maka Pemenang Pulangan Tunai 2 dianggap telah menerima Pulangan Tunai 1 itu.
 - (vii) HLB tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai 2 telah mencecah peruntukan maksimum Ringgit Malaysia Satu Juta Empat Ratus Ribu (RM1,400,000) semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.
6. Perbelanjaan Runcit bermaksud apa-apa pembelian runcit dan pembelian dalam talian (termasuk arahan tetap dan Pelan Bayaran Mudah Faedah 0% (“EPP”)) yang dilakukan di dalam negara dan/atau di luar negara (termasuk perbelanjaan yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) dan/atau mata wang lain) yang telah berjaya dicaj dengan Kad Layak. Pembelian runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.
7. Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** yang berikut:
- (i) pengeluaran wang tunai melalui apa-apa cara (iaitu Mesin Teler Automatik, melalui kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.);
 - (ii) produk portfolio seperti Pindahan Baki (“BT”), Quick Cash One-Time Fee, Quick Cash Monthly Interest dan Pelan Bayaran Fleksi (“FPP”);
 - (iii) transaksi JomPAY dan transaksi berkaitan kerajaan;
 - (iv) transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - (v) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

TERMA & SYARAT AM

8. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Prinsipal NTC:
- (i) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak di Laman Web HLB;
 - (ii) bersetuju semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakam oleh sistem HLB sepanjang Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) bersetuju keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak;
 - (iv) bersetuju Pengecualian FI Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;

- (v) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S dan membuat susulan dengan HLB untuk mengetahui jika mereka telah dimasukkan dalam senarai kelayakan menerima Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai dan/atau Pulangan Tunai Faedah;
- (vi) membenarkan HLB untuk mendedahkan nama, nombor IC (dalam bentuk bertopeng), nombor Kad Layak (dalam bentuk bertopeng), kelayakan menerima Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 di Laman Web HLB;
- (vii) membenarkan HLB mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga HLB, M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn. Bhd (201001014145 (898379-U)) yang HLB ifikir wajar untuk tujuan Kempen ini; dan
- (viii) bersetuju untuk memastikan semua Kad Layak yang diluluskan adalah sah, aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit sepanjang Tempoh Kempen dan di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2

9. HLB berhak:

- (i) melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 jika berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan atau tidak mematuhi T&S di dalam ini;
- (ii) menggantikan Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya dengan cara menyiarkannya di Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal NTC;
- (iii) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini melalui siaran di Laman Web HLB, atau apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal NTC tentang penambahan, pengguguran atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini; dan
- (iv) melucutkan kelayakan Pemegang Kad Layak daripada menerima Pengecualian Fi Tahunan yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit di luar maksud T&S ini, dengan cara atau corak yang HLB anggap luar biasa, di luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk mendapat faedah tak saksama ke atas Pemegang Kad Layak lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak.

10. HLB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan di pihak Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Kad Prinsipal NTC tertinggal daripada menyertai Kempen ini.

11. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Prinsipal NTC bersetuju Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika ada percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
12. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB hendaklah diutamakan.
13. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak NTC bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
14. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.